



FOR IMMEDIATE RELEASE

MMC MENYUMBANG UNTUK MENINGKATKAN MODAL INSAN BERPENGETAHUAN TINGGI

Subang Jaya, Jumaat, 30 Oktober 2009: Sejar dengan usaha memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya, MMC Corporation Berhad (MMC) menambah lagi program kemasyarakatan dengan menyumbang lebih daripada 1400 naskhah buku kepada tujuh buah sekolah di Selangor. Pada majlis perasmian Kem Membaca 1Malaysia 2009 yang diadakan di Subang Jaya hari ini, MMC telah menyerahkan sumbangan itu kepada wakil dari sekolah-sekolah tersebut, yang telah dikenalpasti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sekolah yang kekurangan sumber. Sumbangan ini juga bertujuan membantu melengkapkan perpustakaan sekolah-sekolah yang memerlukan ini dan sekaligus dapat merapatkan jurang diantara mereka dengan sekolah-sekolah lain yang lebih berkemampuan.

Ketua Pegawai Eksekutif (Malaysia) MMC, Datuk Hasni Harun berkata, "Kami amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dalam usahanya untuk menerapkan tabiat rajin membaca sambil memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dikalangan pelajar."

Pendidikan merupakan komponen penting bagi membina negara dan MMC sentiasa menekankan program pendidikan dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya. Samada secara langsung ataupun melalui anak-anak syarikatnya, MMC menyokong pengendalian atau penyertaan dalam program-program yang dapat membantu membangun minda anak-anak.

Selain daripada program kemasyarakatan dan kemanusiaan yang lain, Kumpulan MMC giat menyertai program berasaskan pendidikan, termasuk NST School Sponsorship Programme di Pahang dan Melaka dimana MMC telah menaja akhbar New Straits Times kepada beberapa buah sekolah di negeri-negeri tersebut. Disamping itu, Kumpulan MMC juga mengelola program motivasi dan kursus bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar sekolah khususnya di daerah luar bandar.

Tambah Hasni, "Kami menyokong penuh hasrat kerajaan untuk meningkatkan modal insan berkemahiran dan berpengetahuan tinggi sebagaimana dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2010 minggu lalu. MMC berharap sumbangan ini juga dapat membantu kerajaan mencapai aspirasi meningkatkan kadar literasi di kalangan murid-murid sekolah."

Latarbelakang MMC

MMC Corporation Bhd (MMC) ialah sebuah kumpulan syarikat utiliti dan infrastruktur yang mempunyai kepentingan dalam industri Pengangkutan & Logistik, Tenaga & Utiliti dan Kejuruteraan & Pembinaan.

Di Malaysia, anak-anak syarikat utama MMC termasuk Pelabuhan Tanjung Pelepas (terminal kontena terbesar Malaysia), Johor Port (pelabuhan pelbagai guna utama Malaysia), Malakoff (penjana kuasa bebas terbesar Malaysia) and Gas Malaysia (pembekal tunggal gas asli kepada sektor bukan kuasa di Semenanjung Malaysia). MMC juga kini mengusahakan projek landasan elektrik berkembar bernilai RM12.485 billion di antara Ipoh dan Padang Besar, yang merupakan projek infrastruktur terbesar Malaysia. Melalui Zelan Berhad, MMC mempunyai saham dalam IJM, salah satu daripada syarikat pembinaan yang utama di Malaysia, selain Zelan Construction, kontraktor pakar bagi loji tenaga.

Di peringkat antarabangsa, MMC International memfokus dalam sektor utiliti dan logistik, terutama sekali di Timur Tengah. MMC ialah pemaju bersama Bandaraya Ekonomi Jazan bernilai US\$30 billion di Arab Saudi dengan Saudi Binladin Group. MMC juga memiliki pegangan ekuiti dalam projek terminal kontena ketiga di Pelabuhan Jeddah. MMC juga memiliki pegangan ekuiti dalam projek loji air dan tenaga 900 MW and 1,030,000 m3/sehari Shuaibah di Arab Saudi, loji penyulingan air 200,000 m3/sehari di Algeria dan Central Electricity Generation Company di Jordan.

Contact:

Rohaila Basir

Senior Manager, CEO Malaysia's Office

MMC Corporation Berhad

Tel: +603 9179 7777 ♦ email: rohaila@mmc.com.my